

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tahun Keempat Dalam Sains Farmasi

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1986/87

FCP 453.20 - Sediaan-Sediaan OTC

Tarikh: 13 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi
(2 jam)

Kertas ini mengandungi LIMA soalan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Soalan I adalah wajib dan mesti dijawab di atas skrip yang disediakan.

Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

ANGKA GILIRAN: _____

Soalan I. Soalan Pilihan Berganda. Jawab semua soalan dengan menandakan (✓) ruang yang dikhaskan bertentangan dengan jawapan/pernyataan yang BETUL ATAU PALING SESUAI bagi sesuatu soalan. Hanya SATU jawapan/pernyataan sahaja yang betul atau paling sesuai bagi tiap-tiap soalan. Sebahagian markah akan ditolak bagi jawapan yang salah.

1. Tujuan utama penggunaan asid salisilik di dalam rawatan akne (jerawat) ialah
- (A) mengurangkan pengeluaran sebum
 - (B) mengurangkan bakteria di atas permukaan muka
 - (C) menambahkan keratinisasi
 - (D) membuang keratin yang berlebihan

...3/-

ANGKA GILIRAN: _____

2. Seorang pesakit yang mengalami 'Athlete's Foot' yang akut dengan lesion-lesion yang basah dan radang berjumpa seorang ahli farmasi untuk rawatannya. Apakah formulasi antikulat yang paling sesuai untuk pesakit itu?

- (A) Krim Tolnaftata
- (B) Salap Tolnaftata
- (C) Salap Whitfield
- (D) Larutan Karbol-fuchsin

3. Seorang pesakit mempunyai suatu bisul di dalam saluran auditori eksternal telinganya. Aduan-aduannya ialah rasa sakit, bengkak dan sedikit discas. Apakah sediaan OTC dan/atau racun dari 'Kumpulan C' yang paling baik yang anda akan mengesyorkan?

- (A) Suatu sediaan yang mengandungi anestetik setempat sahaja
- (B) Suatu sediaan yang mengandungi antibiotik topikal
- (C) Suatu sediaan yang mengandungi kortikosteroid topikal
- (D) Suatu sediaan yang mengandungi anestetik setempat, kortikosteroid dan antibiotik topikal

ANGKA GILIRAN: _____

4. Keadaan akne takinflamatori adalah dicirikan oleh

- (A) hiperkeratinisasi duktus-duktus glanda sebaceus
- (B) hiperkeratinisasi duktus-duktus glanda sebaceus dan kenaikan pengeluaran sebum
- (C) pelanggaran leukosit di dalam kawasan sekitar dinding folikel
- (D) kenaikan pengeluaran sebum

5. Yang mana di antara keadaan-keadaan kaki berikut yang memerlukan rujukan pesakit kepada doktor?

- (i) Pesakit mempunyai wart (ketuat) periungal atau venereal
- (ii) Pesakit juga mempunyai penyakit diabetes mellitus
- (iii) Pesakit mempunyai hemoraj
- (iv) Pesakit mempunyai 'corn' dan 'callus'

- (A) (i) dan (ii)
- (B) (i), (ii) dan (iii)
- (C) (ii), (iii) dan (iv)
- (D) (i), (ii), (iii) dan (iv)

ANGKA GILIRAN: _____

6. Yang mana di antara pernyataan-pernyataan berikut adalah BENAR ?

- (i) Kanta kontak biasanya lebih selesa dipakai kalau kelembapan suasana lebih tinggi.
- (ii) Kotoran berprotein memendak lebih perlahan di atas kanta kontak sekiranya pemakai mempunyai mata kering berbanding dengan mata sihat.
- (iii) Pengawet di dalam larutan kanta kontak mungkin menyebabkan tindak balas alergik.

- (A) (iii)
- (B) (i) dan (ii)
- (C) (i) dan (iii)
- (D) (i), (ii) dan (iii)

...6/-

ANGKA GILIRAN: _____

7. Yang mana di antara pernyataan-pernyataan berikut adalah TIDAK BENAR?

(i) Fluoridasi pembekalan air awam merupakan satu kaedah yang paling cekap dan kos-berkesan (cost-effective) untuk perlindungan daripada kari pergigian (dental caries).

(ii) Vitamin yang mengandungi fluorida atau tablet fluorida dirumuskan untuk memberikan penambahan fluorida (fluoride supplementation) bagi bayi dan kanak-kanak.

(iii) Natrium fluorida akan menjadi dentin dan enamel gigi lebih rintang (resistant) terhadap asid.

..... (A) (i)

..... (B) (ii)

..... (C) (i) dan (ii)

..... (D) (i) dan (iii)

...7/-

ANGKA GILIRAN: _____

8. Namakan antiperspiran yang digunakan kerana sifat tak polarnya supaya ia boleh dirumuskan di dalam fluorohidrokarbon.

(i) Aluminium fenolsulfonat

(ii) Aluminium klorhidroksilaktat

(iii) Kompleks aluminium klorhidroksida dan asid p-fenolsulfonik.

..... (A) (ii)

..... (B) (iii)

..... (C) (i) dan (ii)

..... (D) (ii) dan (iii)

...8/-

ANGKA GILIRAN: _____

9. Kelenjar apokrina

- (i) boleh didapati pada keseluruhan permukaan badan manusia kecuali pada pinggir bibir dan bahagian organ seks yang tertentu.
- (ii) menghasilkan peluh ber pH dekat neutral.
- (iii) menghasilkan peluh secara berterusan.

..... (A) (i)

..... (B) (ii)

..... (C) (iii)

..... (D) (i), (ii) dan (iii)

...9/-

10. Yang mana di antara pernyataan-pernyataan berikut adalah BENAR?

- (i) Ptialin ialah sejenis enzim diastatik yang terdapat di dalam air liur yang boleh menhidrolisiskan sukrosa kepada glukosa dan fruktosa.
- (ii) Natrium sakarin merupakan sejenis bahan yang sangat kariogenik.
- (iii) Pelikel-pelikel gigi cepat dibentuk walaupun baru menggosok gigi.

- (A) (iii)
- (B) (i) dan (ii)
- (C) (i) dan (iii)
- (D) (i), (ii) dan (iii)

...10/-

ANGKA GILIRAN: _____

11. Yang mana di antara pernyataan-pernyataan berikut yang BUKAN suatu punca bagi tidak komplains?

- (A) Tanggapan dan kepercayaan pesakit ke atas drug dan penyakit
- (B) Kesesakan di hospital
- (C) Pendidikan pesakit yang tidak sempurna
- (D) Perhubungan di antara doktor, ahli Farmasi dan jururawat yang tidak baik.

12. Apakah perkara-perkara yang penting harus diberitahu kepada pesakit sewaktu mendispenskan drug?

- (A) Mekanisme tindakan drug
- (B) Kesan-kesan buruk drug
- (C) Kegunaan dan skedul administrasi
- (D) Semua interaksi drug yang mungkin berlaku

...11/-

ANGKA GILIRAN: _____

13. Yang mana di antara pernyataan-pernyataan berikut mengenai sediaan antiobesiti adalah TIDAK BENAR?

- (A) Sediaan-sediaan antiobesiti OTC hanya berguna untuk mengurangkan jumlah pengambilan kalori
- (B) Sediaan-sediaan antiobesiti adalah tidak disarankan kepada pesakit yang mempunyai hipertensi, penyakit jantung, dan gangguan renal
- (C) Agen-agen pembentuk pukal seperti metilselulosa adalah pilihan pertama pada pesakit obes yang mengalami penyakit tiroid
- (D) Sediaan-sediaan antiobesiti yang ada pada masa kini adalah berkesan hanya sebagai suatu rawatan adjunk di dalam regimen-regimen yang merangkumi penghadkan kalori, senaman, dan pengubahsuaian peribadi

...12/-

ANGKA GILIRAN: _____

14. Yang mana di antara gabungan drug-kesan sampingan berikut adalah TIDAK BENAR?
- (A) Fenilpropanolamina - bradikardia
 - (B) Selenium Sulfit - radang kulit
 - (C) Benzokaina - kesan hipersensitiviti
 - (D) Karboksimetilselulosa - diarea
15. Yang mana di antara pernyataan-pernyataan berikut mengenai rawatan sendiri adalah TIDAK BENAR?
- (A) Keupayaan pesakit untuk mengenalpasti tanda-tanda dan simptom-simptom penyakit
 - (B) Dapat mengenalpasti beberapa kesan buruk drug
 - (C) Guna hanya sediaan-sediaan OTC yang diiklankan di televisyen
 - (D) Mengetahui kebaikan dan keberkesanan setiap bahan aktif yang terdapat di dalam sediaan-sediaan OTC

ANGKA GILIRAN: _____

16. Yang mana di antara pernyataan-pernyataan berikut mengenai kelemumur adalah TIDAK BENAR?

- (A) Proses pembentukan kelemumur adalah stabil dan tidak mudah dipengaruhi oleh faktor-faktor luar sebagaimana berlaku pada seborea dan psoriasis
- (B) Kepingan-kepingan kelemumur mempunyai rupabentuk yang sama dan tersebar dengan luas
- (C) Kejadian kelemumur adalah dianggap bermusim terutama sekali pada musim hujan dan lembab
- (D) Kelemumur adalah dianggap sebagai suatu proses inflamatori dan hanya terhad pada bahagian kulit kepala

...14/-

ANGKA GILIRAN: _____

17. Fenilpropanolamina (PPA) adalah dikontraindikasikan kepada pesakit yang mempunyai penyakit berikut kecuali:-

- (A) Diabetes
- (B) Hipertiroidisme
- (C) Penyakit Jantung
- (D) Gout

18. Yang mana di antara simptom-simptom hemoroid berikut yang TIDAK boleh dirawat dengan sediaan-sediaan OTC?

- (A) Nyeri
- (B) Tidak selesa
- (C) Tirisan
- (D) Inflamasi

ANGKA GILIRAN: _____

19. Yang mana di antara pernyataan-pernyataan berikut mengenai agen pembentuk-pukal adalah TIDAK BENAR?

- (A) Bahan-bahan aktif yang utama ialah metil-selulosa dan karboksimetilselulosa
- (B) Kesan sampingan yang biasa adalah diarea
- (C) Mekanisme tindakan yang dicadangkan adalah rangsangan langsung pada hipotalamus
- (D) Agen-agen ini adalah tidak berkesan jika digunakan sebagai rawatan primer untuk mengurangkan berat badan

20. Yang mana di antara pasangan berikut boleh digunakan sebagai agen ekspektoran?

- (A) alkohol dan ammonium klorida
- (B) minyak alkaliptus dan gliserin
- (C) mentol dan sukrosa
- (D) ammonium klorida dan guaifenesin

ANGKA GILIRAN: _____

21. Yang mana di antara antitusif-antitusif bukan narkotik berikut yang TIDAK menyebabkan perubahan kepekatan air liur?

- (A) Noskapina
- (B) Polkodina
- (C) Dekstrometorfan
- (D) Difenhidramina

22. Yang mana di antara pernyataan-pernyataan berikut mengenai penggunaan diafram adalah BENAR?

- (A) Kesesuaian saiz diafram hendaklah diperiksa setiap kali kelahiran anak
- (B) Wanita yang belum beranak tidak digalakkan menggunakannya kerana boleh menyebabkan radang vagina
- (C) Pesakit ditegah mandi semasa menggunakannya dalam masa 6 jam
- (D) Pada 3 bulan pertama pemakaiannya, pesakit mungkin mengalami ketegangan di bahagian perut

ANGKA GILIRAN: _____

23. Yang mana di antara pernyataan-pernyataan berikut berkenaan dengan alat-alat kontraseptif adalah BENAR?

- (A) IUD yang mengandung progesteron hendaklah diganti setiap tahun
- (B) Kegunaan supositori spermasid berkesan hanya untuk 2 jam sahaja
- (C) Keberkesanan diafram tidak bergantung kepada teknik pemakaiannya
- (D) Untuk menambahkan keberkesanan diafram spermasid vaselin mungkin diperlukan

24. Yang mana di antara alat-alat kontraseptif berikut TIDAK dicadangkan untuk wanita yang belum mempunyai anak?

- (A) Diafram
- (B) Supositori
- (C) Kondom
- (D) IUD

...18/-

ANGKA GILIRAN: _____

25. Yang mana di antara masalah-masalah berikut adalah berkaitan dengan penggunaan diafram?

..... (A) kecederaan uterus

..... (B) menorragia

..... (C) sistitis

..... (D) kehamilan ektopik

(25 markah)

Soalan II

Seorang pesakit yang mengalami akne takinflamatori dan wart yang teruk.

- (A) Apakah sediaan-sediaan yang anda akan syorkan untuk kedua-dua keadaan di atas dan mengapa?
- (B) Selain daripada rawatan di atas, apakah perhatian-perhatian yang anda akan menasihatkan kepada pesakit itu?

(25 markah)

Soalan III

- (A) Sebagai seorang ahli farmasi, bincangkan nasihat yang anda akan berikan kepada seorang wanita hamil mengenai dengan kesihatan pergigian.

(13 markah)

- (B) Anda diminta untuk merumuskan sejenis larutan pembasahan (kanta kontak keras) dan sejenis larutan yang digunakan semasa pensterilan haba (kanta kontak lunak). Cadangkan rumusan yang sesuai dan fungsi untuk setiap ramuannya.

(12 markah)

...20/-

Soalan IV

Puan M datang ke Kedai Farmasi anda untuk membeli syampu Zaiton [®]. Anda dapati banyak kelemumur yang gugur di atas bahunya. Puan M juga mengadu rasa gatal-gatal di bahagian kulit kepalanya.

- (A) (i) Bagaimanakah anda dapat bezakan di antara kelemumur, seborhea, dan psoriasis?

(5 markah)

- (ii) Apakah nasihat anda kepada Puan M?

(10 Markah)

- (B) Tuliskan nota-nota ringkas mengenai perkara-perkara berikut:

- (i) Pemilihan sediaan-sediaan antihemoroid

- (ii) Proses-proses kaunseling

(10 markah)

...21/-

Soalan V

Seorang wanita berumur 32 tahun datang ke Kedai Farmasi anda dan mengadu tidak dapat tidur dengan selesa kerana mengalami selsema dan batuk berkahak sejak dua hari yang lalu. Beliau juga mengadu tidak dapat menjalankan aktiviti harian dengan sempurna. Dua bulan yang lalu, pesakit juga menghadapi masalah yang sama dan telah dipreskripsikan sirap Benadryl [®] dan Phensedyl [®]. Walaubagaimanapun pesakit sembuh setelah 5 hari mengambil ubat tersebut.

- (A) Terangkan apakah maklumat yang harus diketahui sebelum wanita ini boleh menerima rawatan OTC bagi masalah tersebut.
(5 markah)
- (B) Apakah penyakit-penyakit lain yang mempunyai simptom-simptom yang sama seperti di atas?
(5 markah)
- (C) Berikan satu nama sediaan OTC yang digunakan untuk masalah batuk berkahak tersebut dan terangkan komponen aktifnya.
(5 markah)
- (D) Terangkan kandungan aktif sirap Benadryl [®] dan sirap Phensedyl [®] serta perbezaan di antara kedua-duanya.
(5 markah)
- (E) Bincangkan bagaimana vitamin C boleh digunakan untuk rawatan selsema.
(5 markah)

oooOooo